



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI  
DAN KELESTARIAN ALAM**

**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ARTHUR JOSEPH KURUP  
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

**SIDANG MEDIA ISU GAJAH (DAK)**

**29 APRIL 2026 ( RABU) | 2.00 PETANG**

1. Hari ini saya telah mengadakan pertemuan bersama Datuk Kalai Vanar, Aktivis Sosial mewakili Sekretariat Bahana Kesetiaan Negara berkenaan memorandum yang dikemukakan kepada Kementerian pada minggu lalu berhubung tuntutan untuk mengembalikan tiga (3) ekor Gajah Asia, iaitu Dara, Amoi dan Kelat (DAK).
2. Memorandum tersebut telah dipanjangkan ke Majlis Perbandaran Taiping dan Zoo Taiping & Night Safari pada 25 April 2026 penelitian dan tindakan lanjut, memandangkan perkara ini di bawah bidang kuasa Zoo Taiping & Night Safari serta melibatkan kerjasama rasmi antara Zoo Taiping & Night Safari dan Tennoji Zoo Osaka.
3. Saya merakamkan penghargaan kepada seluruh rakyat Malaysia yang menunjukkan keprihatinan luar biasa terhadap kebajikan **Dara, Amoi, dan Kelat**, di mana sokongan anda semua membuktikan betapa besarnya kasih sayang kita terhadap khazanah alam negara.
4. Berdasarkan rekod Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia dan semakan silang dengan ZTNS, kerjasama strategik antara **ZTNS dan ZTO yang telah terjalin melalui perjanjian yang dimeterai pada 19 Mei 2022 di ZTNS yang melibatkan 1 ekor gajah jantan dan perjanjian kedua pada 6 Oktober 2022 di ZTO yang**

**melibatkan 2 ekor betina.** Dalam hubungan ini, saya ingin tegaskan di sini bahawa NRES bukan merupakan pihak dalam perjanjian tersebut dan ketiga-tiga gajah tersebut merupakan aset ZTNS.

5. Ingin saya tegaskan di sini keputusan untuk menghantar Dara, Amoi dan Kelat merupakan keputusan yang telah dibuat **bukan semasa di bawah pentadbiran saya.**
  
6. Turut bersama saya hari ini, YBhg Datuk Wira Anis Rizana Zainudin, Ketua Setiausaha NRES; YBhg. Datuk Mas Rizal Bin Mohd Hilmi, Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli) NRES dan Ketua Pengarah Jabatan PERHILITAN, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim.
  
7. Terdapat beberapa perkara penting yang saya perlu jelaskan:
  - I. Kementerian bukan merupakan **signatory party** dalam perjanjian tersebut. Perjanjian berkaitan pemindahan ketiga-tiga gajah ini adalah dimeterai secara langsung antara **Zoo Taiping & Night Safari dan Tennoji Zoo, Osaka, Jepun melalui kaedah business-to-business (B2B).**

II. Walaupun keputusan itu dibuat oleh pentadbiran terdahulu, sebagai Menteri yang memegang mandat hari ini, saya tidak akan berkompromi dalam soal kebajikan hidupan liar. Sekiranya pelaksanaan perjanjian ini didapati tidak lagi selari dengan prinsip konservasi, kebajikan hidupan liar serta sensitiviti semasa maka keperluan untuk mengembalikan ketiga-tiga gajah tersebut ke habitat asal perlu dipertimbangkan secara serius dan segera.

III. Saya juga memandang serius isu melibatkan kebajikan gajah yang terlibat di bawah perjanjian ini dan telah mengambil tindakan seperti berikut:

- **13 April 2026** - Membangkitkan mengenai isu tersebut semasa sesi Kunjungan Hormat Duta Besar Jepun, TYT Noriyuki Shikata Ke atas saya; dan
- **21 April 2026** – mengadakan pertemuan melibatkan pengurusan tertinggi NRES dan Jabatan PERHILITAN bersama Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping dan Pengurusan Zoo Taiping & Night Safari yang antara lain menerangkan mengenai Program Konservasi Gajah antara Zoo Taiping & Night Safari dan Tennoji Zoo Osaka.

8. Setelah meneliti memorandum yang dikemukakan, Kementerian secara prinsipnya berpandangan bahawa cadangan untuk mengembalikan ketiga-tiga gajah tersebut adalah **wajar dipertimbangkan dengan serius, mengambil kira demi kepentingan awam dan sensitiviti semasa.**
  
9. Sehubungan itu, **saya dengan ini menggesa secara tegas pihak pengurusan Zoo Taiping & Night Safari untuk memulakan rundingan dengan pihak Tennoji Zoo, Osaka dan bagi menilai keperluan dan mekanisme untuk membawa pulang gajah-gajah tersebut ke tanah air memandangkan mereka adalah pihak yang mempunyai obligasi kontraktual.**
  
10. Kementerian juga mengambil maklum pandangan serta keprihatinan pelbagai pihak, termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO), dan bersedia untuk bekerjasama secara konstruktif bagi memastikan sebarang keputusan dibuat berasaskan fakta, bukti saintifik dan standard kebajikan haiwan yang diiktiraf.

Sekian, terima kasih